



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**  
*Level 8, Block E8, Complex E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/1 Jld.7(91)  
Tarikh : 28 Julai 2022

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2022**

**PELAKSANAAN PENANDAAN OPSYEN MATA PELAJARAN GURU BAGI**  
**SEKOLAH BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## **TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## **LATAR BELAKANG**

2. Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru adalah proses menambah maklumat mata pelajaran bukan opsyen kepada guru yang mengajar mata pelajaran selain opsyen mengikut kriteria yang ditetapkan tanpa mengubah opsyen ikhtisas asal. Proses ini merupakan nilai tambah kepada Borang Status Kedudukan Guru (BSKG) bagi menunjukkan kedudukan guru di sekolah.

3. Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 20 Tahun 2022 bertarikh 21 Jun 2022 telah meluluskan Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah bawah KPM untuk dilaksanakan di sekolah seluruh negara.

## **PELAKSANAAN**

4. Garis Panduan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang disertakan bersama-sama SPI ini disediakan sebagai panduan kepada semua pihak di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah.

5. Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru mempunyai 10 kriteria utama dan lima (5) kriteria kaveat bagi membolehkan pihak sekolah membuat permohonan untuk menambah maklumat mata pelajaran yang diajar selain opsyen ikhtisas guru. Maklumat ini akan dianalisis melalui sistem e-OPERASI bagi mengenal pasti opsyen dominan guru untuk pelaporan pada BSKG.

6. Terdapat 10 kriteria utama Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru. Kriteria 6.1 hingga 6.6 akan dikemas kini oleh pihak sekolah manakala kriteria 6.7 hingga 6.10 adalah berdasarkan permohonan oleh pentadbir sekolah atau guru. Penentuan opsyen dominan dan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dibuat berdasarkan kepada salah satu kriteria berikut:

- 6.1 mengajar mengikut kelulusan ikhtisas (sijil pendidikan/diploma pendidikan/ijazah sarjana muda pendidikan/kursus perguruan lepas ijazah);
- 6.2 mengajar mata pelajaran berdasarkan kelulusan ikhtisas sekurang-kurangnya 90 minit seminggu;
- 6.3 mengajar dua (2) atau lebih mata pelajaran ikhtisas;
- 6.4 memegang jawatan sebagai Guru Cemerlang;



- 6.5 memegang jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 dan ke atas setelah menamatkan pengajian peringkat ijazah pertama dengan kelulusan KPM;
- 6.6 mengikuti Kursus Pertukaran Opsyen (conversion course)/Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)/atau Program Tambah Opsyen yang diiktiraf oleh KPM;
- 6.7 menjadi pemeriksa kertas peperiksaan awam;
- 6.8 mengajar mata pelajaran bukan opsyen minimum 90 minit seminggu bagi tiga (3) tahun;
- 6.9 memperoleh ijazah pertama tanpa kelulusan KPM bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG40 dan ke bawah; dan
- 6.10 memperoleh ijazah sarjana atau ijazah kedoktoran.

7. Terdapat lima (5) kriteria kaveat bagi membolehkan pihak sekolah membuat permohonan untuk menambah maklumat mata pelajaran yang diajar selain opsyen ikhtisas guru seperti yang berikut:

- 7.1 opsyen mata pelajaran Bahasa Inggeris [kelulusan tahap minimum C1 dalam Ujian Penguasaan Bahasa Inggeris berdasarkan piawaian *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR)];
- 7.2 opsyen mata pelajaran Pendidikan Islam (minor Pendidikan Islam/Syariah Islamiah/Usul al-Din/Pendidikan al-Quran dan Al-Sunnah);
- 7.3 opsyen bagi bidang Teknik dan Vokasional perlu mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) minimum tahap tiga;
- 7.4 Program Prasekolah (ijazah pertama/diploma/PITO Pendidikan Awal Kanak-Kanak); dan
- 7.5 Program Pendidikan Khas (ijazah pertama/diploma/PITO Pendidikan Khas/kursus pembangunan profesionalisme berterusan yang diiktiraf oleh KPM).

8. Terdapat tiga (3) kaedah pelaksanaan tatacara dan proses kerja Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru seperti yang berikut:

- 8.1 Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru ditentukan oleh pentadbir sekolah; atau
- 8.2 Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru berdasarkan permohonan guru dengan kelulusan pentadbir sekolah; atau
- 8.3 penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru berdasarkan permohonan melalui pentadbir sekolah dengan kelulusan Jawatankuasa Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru pada Peringkat KPM yang diurussetiakan oleh Bahagian Profesionalisme Guru.

9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan Garis Panduan Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dirujuk dan dipatuhi. Garis panduan ini boleh dimuat turun dari laman sesawang KPM melalui pautan [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my). Bagi menentukan guru mendapat manfaat daripada kemudahan ini, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan hendaklah menguar-uarkan pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah bawah KPM.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

#### **PEMBATALAN**

11. Dengan berkuatkuasanya SPI ini, maka **Surat Pemakluman: Prinsip Pengiraan Keperluan Guru Hak Sekolah KP(BPSH-SPSM) 301/02/12 Jilid 12 (31)** bertarikh 28 Februari 2014 adalah **dibatalkan**.

## TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mengambil tindakan bagi menentukan supaya pihak sekolah benar-benar mematuhi perkara yang ditetapkan. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan juga hendaklah memastikan kandungan SPI ini dilaksanakan oleh semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**


Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia

5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**GARIS PANDUAN  
PELAKSANAAN PENANDAAN OPSYEN  
MATA PELAJARAN GURU BAGI SEKOLAH BAWAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**KANDUNGAN**

1.	<b>TUJUAN</b>	2
2.	<b>LATAR BELAKANG</b>	3
3.	<b>TAFSIRAN ISTILAH</b>	4
4.	<b>KRITERIA PENANDAAN OPSYEN MATA PELAJARAN GURU</b>	5
4.1	10 kriteria utama	5
4.2	Lima kriteria kaveat	10
5.	<b>PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB</b>	11
5.1	Bahagian Profesionalisme Guru	11
5.2	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian	11
5.3	Bahagian/Jabatan Pendidikan Negeri	11
5.4	Pejabat Pendidikan Daerah	12
5.5	Ketua Jabatan	12
5.6	Guru	13
6.	<b>TATACARA DAN PROSES KERJA PENANDAAN OPSYEN</b>	
	<b>MATA PELAJARAN GURU</b>	13
6.1	Sebelum Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru	15
6.2	Semasa Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru	16
6.3	Selepas Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru	17
7.	<b>PEMAKAIAN GARIS PANDUAN</b>	17
8.	<b>MAKLUMAT LANJUT</b>	18
9.	<b>PENUTUP</b>	18
	<b>LAMPIRAN</b>	19



## 1. TUJUAN

Garis panduan (GP) ini disediakan sebagai rujukan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah bawah KPM. GP ini menerangkan tatacara dan proses kerja bagi Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru.

1.1 GP ini menetapkan prosedur yang perlu diambil perhatian oleh pegawai pengurusan data guru bahagian-bahagian KPM, JPN, PPD, Ketua Jabatan (KJ) dan guru bagi proses kerja Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi mencapai tujuan utama, iaitu;

- i. mengurangkan bilangan ketidakpadanan (mismatch) guru yang mengajar tidak mengikut opsyen; dan
- ii. memenuhi keperluan guru mata pelajaran di sekolah.

1.2 Tujuan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru

Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bermaksud proses menambah maklumat mata pelajaran bukan opsyen kepada guru yang mengajar mata pelajaran tersebut mengikut kriteria yang telah ditetapkan, tanpa mengubah opsyen ikhtisas asal. Proses ini merupakan penambahbaikan kepada kaedah penentuan opsyen dominan yang sedang digunakan. Langkah ini juga untuk mengiktiraf guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen ikhtisasnya.

Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru boleh digunakan sebagai panduan bagi urusan berkaitan penyediaan unjuran, pengambilan, penempatan dan pertukaran guru. Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru boleh disemak dan dikemas kini mengikut keperluan bagi memastikannya sentiasa relevan dan dinamik.

Bagi merealisasikan perkara ini, guru boleh memohon tambahan opsyen untuk ditanda. Bahagian Profesionalisme Guru (BPG) dan KJ boleh membuat keputusan bagi penetapan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru mengikut kriteria yang telah ditetapkan.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Mesyuarat Profesional Kementerian Pendidikan Malaysia (MPKPM) Bilangan 20/2022 bertarikh 21 Jun 2022 telah bersetuju dan meluluskan kertas cadangan Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Mesyuarat turut memutuskan agar satu GP dikeluarkan bagi memperincikan pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dengan lebih jelas.
- 2.2 Keperluan data guru yang sahih, tepat dan terkini sangat penting kepada KPM dalam membuat keputusan dasar dan perancangan berkaitan unjuran pengambilan, penempatan, pertukaran serta pembangunan profesionalisme guru. Modul Pengurusan Guru (Sistem e-OPERASI) merupakan sumber utama data guru KPM. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) selaku penyelaras kepada modul tersebut bertanggungjawab untuk memastikan keesahan dan kesahihan data guru.
- 2.3 KPM menggunakan Borang Status Kedudukan Guru (BSKG) sebagai pelaporan kedudukan opsyen guru dengan menggunakan kaedah opsyen dominan. BSKG juga merupakan rujukan untuk pelaksanaan penempatan dan pertukaran guru serta unjuran keperluan opsyen guru. Selain itu, BSKG turut digunakan untuk mengesan masalah guru mengajar mata pelajaran bukan opsyen yang menyebabkan ketidakseimbangan pengisian opsyen guru.

- 2.4 Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru merupakan kaedah penambahbaikan kepada BSKG bagi menunjukkan kedudukan guru yang lebih terperinci di sekolah. Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru juga mengambil kira penggunaan pemetaan kluster mata pelajaran bagi membantu KPM membuat keputusan dasar dan perancangan berkaitan penempatan dan pertukaran guru.

### 3. TAFSIRAN ISTILAH

Tafsiran istilah adalah seperti berikut:

- 3.1 Penandaan: adalah *tagging* dalam istilah Bahasa Inggeris yang merupakan proses penandaan maklumat.
- 3.2 Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru: proses menambah maklumat mata pelajaran bukan opsyen kepada guru yang mengajar mata pelajaran tersebut mengikut kriteria yang ditetapkan, tanpa mengubah opsyen ikhtisas asal;
- 3.3 Opsyen ikhtisas: merupakan opsyen guru yang dinyatakan melalui sijil perguruan/diploma pendidikan/ijazah sarjana muda pendidikan/Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)/Kursus Pertukaran Opsyen (conversion course)/Program Tambah Opsyen yang diiktiraf oleh KPM;
- 3.4 Opsyen bukan ikhtisas: mata pelajaran tambahan bukan opsyen yang diajar oleh guru mengikut kriteria yang ditetapkan;
- 3.5 Opsyen dominan: penentuan opsyen yang digunakan dalam Sistem e-OPERASI berdasarkan senarai opsyen dan mata pelajaran semasa yang diajar oleh guru;
- 3.6 Borang Status Kedudukan Guru (BSKG): paparan maklumat kedudukan guru mengikut opsyen dominan, keperluan opsyen, pengisian guru dan waran perjawatan;



- 3.7 Guru: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang dilantik dan mengisi watan perjawatan sekolah;
- 3.8 Ketua Jabatan: adalah pentadbir sekolah yang merangkumi pengarah kolej vokasional, pengetua dan guru besar;
- 3.9 Pemetaan kluster mata pelajaran: bidang kelulusan akademik di institusi pengajian dipadankan dengan mata pelajaran dalam kluster mata pelajaran;
- 3.10 Sistem e-OPERASI: Sistem Modul Pengurusan Guru, KPM; dan
- 3.11 Bahagian: bahagian Sektor Operasi Sekolah yang menguruskan guru di sekolah bawah KPM.

#### 4. KRITERIA PENANDAAN OPSYEN MATA PELAJARAN GURU

- 4.1 Berikut adalah **10 kriteria utama** untuk pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi Sekolah KPM. Kriteria i hingga vi akan dikemas kini oleh pihak sekolah manakala kriteria vii hingga x adalah **berdasarkan permohonan oleh KJ atau guru**. Penentuan opsyen dominan dan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru berdasarkan salah satu kriteria yang berikut:

- i. **Mengajar mengikut kelulusan ikhtisas (sijil pendidikan/ diploma pendidikan/ljazah Sarjana Muda Pendidikan/ Kursus Perguruan Lepas Ijazah)**

Pemegang sijil pendidikan, diploma pendidikan, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan atau sijil Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI), opsyen dominan adalah mengikut sijil yang dianugerahkan oleh institusi. Sekiranya kriteria ini dipenuhi, guru boleh mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:



- a. sijil ikhtisas oleh institusi yang disahkan; dan
- b. transkrip peperiksaan rasmi yang disahkan.

**ii. Mengajar mata pelajaran berdasarkan kelulusan ikhtisas sekurang-kurangnya 90 minit seminggu**

Guru yang mengajar di sekolah bawah KPM disyaratkan mempunyai kelulusan ikhtisas. Bagi penetapan opsyen dominan, guru yang mempunyai kelulusan ikhtisas perlu mengajar mata pelajaran opsyen tersebut sekurang-kurangnya 90 minit dalam seminggu kalendar akademik. Sekiranya kriteria ini dipenuhi, guru boleh mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:

- a. sijil ikhtisas oleh institusi yang disahkan;
- b. transkrip peperiksaan rasmi yang disahkan; dan
- c. jadual waktu yang disahkan.

**iii. Mengajar dua (2) atau lebih mata pelajaran ikhtisas**

Guru yang mempunyai dua (2) atau lebih mata pelajaran ikhtisas, penetapan opsyen dominan adalah berdasarkan bilangan minit mengajar terbanyak, dengan mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:

- a. sijil ikhtisas oleh institusi yang disahkan;
- b. transkrip peperiksaan rasmi yang disahkan; dan
- c. jadual waktu yang disahkan.

**iv. Memegang jawatan sebagai Guru Cemerlang**

Guru yang dilantik sebagai Guru Cemerlang, penetapan opsiyen dominan adalah berdasarkan Surat Lantikan Guru Cemerlang. Guru perlu mengemukakan Surat Lantikan Guru Cemerlang sebagai dokumen pembuktian.

**v. Memegang jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 dan ke atas setelah menamatkan pengajian peringkat ijazah pertama dengan kelulusan KPM**

PPP Gred DG40 dan ke bawah yang mengikuti pengajian Peringkat Ijazah Pertama dengan kelulusan KPM, opsiyen dominan adalah berdasarkan sijil ikhtisas peringkat ijazah tersebut. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lulusan Diploma (PPPLD) yang menerima sijil ikhtisas peringkat ijazah pertama juga boleh dipetakan dengan menggunakan pemetaan kluster mata pelajaran. Guru perlu mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:

- a. sijil ijazah sarjana muda daripada universiti yang disahkan;
- b. transkrip peperiksaan rasmi yang disahkan;
- c. surat tawaran mengikuti pengajian daripada universiti yang disahkan; dan
- d. surat kelulusan mengikuti pengajian.

**vi. Mengikuti Kursus Pertukaran Opsyen (conversion course)/ Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)/ atau Program Tambah Opsyen yang diiktiraf oleh KPM**

Guru yang mengikuti Kursus Pertukaran Opsyen (conversion course)/ PITO/Program Tambah Opsyen yang diiktiraf oleh KPM, opsiyen dominan adalah berdasarkan opsiyen yang diikuti

semasa kursus. Sekiranya kriteria ini dipenuhi, guru perlu mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:

- a. sijil mengikuti kursus/program yang disahkan; dan
- b. surat tawaran mengikuti kursus/program yang disahkan.

**vii. Menjadi pemeriksa kertas peperiksaan awam**

Guru yang mempunyai pengalaman sebagai pemeriksa kertas peperiksaan awam, boleh membuat permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru kepada KJ dengan mengemukakan surat lantikan pemeriksa kertas peperiksaan daripada Lembaga Peperiksaan sebagai dokumen pembuktian.

**viii. Mengajar mata pelajaran bukan opsyen minimum 90 minit seminggu bagi tiga (3) tahun**

Guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen dengan jumlah masa minimum 90 minit seminggu untuk **tiga (3) tahun kalendar akademik sepanjang tempoh perkhidmatan**, guru atau KJ yang ingin memohon perlu mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:

- a. jadual waktu bagi tempoh tiga (3) tahun yang memaparkan mata pelajaran yang dimohon untuk ditanda; atau
- b. jadual waktu yang disahkan bagi tempoh tiga (3) tahun yang memaparkan mata pelajaran yang dimohon sekiranya guru mengajar di sekolah yang berlainan.



**ix. Memperoleh ijazah pertama tanpa kelulusan KPM bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG40 dan ke bawah**

PPP Gred DG40 dan ke bawah yang telah mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama tanpa kebenaran KPM boleh memohon untuk ditanda bagi opsyen yang telah dianugerahkan oleh universiti. PPP Gred DG40 dan ke bawah yang menerima sijil ikhtisas peringkat ijazah pertama juga boleh dipetakan dengan menggunakan pemetaan kluster mata pelajaran. Bagi kriteria ini, guru perlu membuat permohonan kepada BPG melalui KJ masing-masing menerusi Sistem e-OPERASI. Bagi tujuan tersebut, guru perlu mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:

- a. sijil ijazah sarjana muda daripada universiti yang disahkan;
- b. transkrip peperiksaan rasmi yang disahkan;
- c. surat tawaran mengikuti pengajian oleh universiti yang disahkan; dan
- d. salinan pengiktirafan/perakuan kelayakan ijazah oleh *Malaysian Qualifications Agency (MQA)*.

**x. Memperoleh ijazah sarjana atau ijazah kedoktoran**

Guru yang memiliki ijazah sarjana atau ijazah kedoktoran boleh memohon Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru berdasarkan kelulusan akademik atau menggunakan pemetaan kluster mata pelajaran. Permohonan perlu dikemukakan kepada BPG melalui KJ masing-masing menerusi Sistem e-OPERASI. dengan mengemukakan dokumen pembuktian seperti berikut:

- a. sijil ijazah sarjana atau ijazah kedoktoran oleh universiti yang disahkan;
- b. transkrip peperiksaan rasmi yang disahkan;



- c. surat tawaran mengikuti pengajian oleh universiti yang disahkan;
- d. surat kelulusan mengikuti pengajian yang disahkan; dan
- e. salinan pengiktirafan/perakuan kelayakan Ijazah oleh MQA.

4.2 Selain 10 kriteria utama, terdapat **lima (5) kriteria kaveat** untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam, bidang Teknik dan Vokasional, Program Prasekolah dan Program Pendidikan Khas. Permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi mata pelajaran kaveat, guru atau KJ perlu **mengemukakan sijil berkaitan** seperti berikut:

- i. opsyen mata pelajaran Bahasa Inggeris [kelulusan tahap minimum C1 dalam ujian penguasaan Bahasa Inggeris berdasarkan piawaian *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*];
- ii. opsyen Pendidikan Islam (minor Pendidikan Islam/Syariah Islamiah/Usul al-Din/Pendidikan al-Quran dan Al-Sunnah);
- iii. opsyen bagi bidang Teknik dan Vokasional perlu mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) minimum tahap tiga (3);
- iv. Program Prasekolah (ijazah pertama/diploma/PITO Pendidikan Awal Kanak-Kanak); dan
- v. Program Pendidikan Khas (ijazah pertama/diploma/PITO Pendidikan Khas/kursus pembangunan profesionalisme berterusan yang diiktiraf oleh KPM).

## **5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB**

### **5.1 Bahagian Profesionalisme Guru**

- i. Merancang dan menjadi urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru empat (4) kali setahun atau mengikut keperluan;
- ii. Melaksanakan verifikasi dokumen yang dikemukakan oleh pihak sekolah secara dalam talian;
- iii. Melaksanakan verifikasi senarai program pengajian dari sekolah; dan
- iv. Meluluskan permohonan guru bagi Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi kriteria 4.1 para ix dan para x mengikut pemetaan kluster mata pelajaran.

### **5.2 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian**

- i. Merancang dan menyelaras proses verifikasi data dengan Bahagian/JPN/PPD;
- ii. Menganggotai jawatankuasa Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru; dan
- iii. Menyelaraskan pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru di peringkat Bahagian/JPN/PPD.

### **5.3 Bahagian/JPN**

- i. Bahagian/JPN menerima keputusan kelulusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dari BPG bagi kriteria 4.1 para ix dan para x untuk dikemas kini;
- ii. Bahagian/JPN mengemas kini Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dalam Sistem e-OPERASI untuk guru bawah Bahagian/JPN; dan
- iii. Memberi khidmat bantu kepada PPD bagi proses Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru sekiranya diperlukan.

#### 5.4 PPD

- i. Menerima senarai nama guru yang diluluskan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dari KJ bagi kriteria 4.1 para vii dan para viii;
- ii. Menerima permohonan KJ untuk Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi kriteria 4.1 para vii dan para viii;
- iii. Menyemak kelulusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru; dan
- iv. Mengemas kini Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dalam Sistem e-OPERASI.

#### 5.5 Ketua Jabatan

- i. KJ menerima permohonan guru untuk membuat semakan bagi permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru;
- ii. KJ mengemukakan permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru yang disemak melalui BSKG kepada Bahagian/JPN/PPD;
- iii. Menyemak dokumen permohonan guru seperti sijil pencapaian, transkrip, dan pengiktirafan/perakuan kelayakan MQA;
- iv. Melaksanakan pencerapan pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap guru yang membuat permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru;
- v. Meluluskan permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru yang memenuhi syarat/kriteria; dan
- vi. Menghantar senarai nama guru yang diluluskan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru ke Bahagian/JPN/PPD menerusi Sistem e-OPERASI bagi kriteria 4.1 para vii dan para viii untuk dikemas kini.



## 5.6 Guru

- i. Guru melaksanakan semakan data melalui capaian Sistem e-OPERASI sebelum menghantar permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru kepada KJ bersama-sama profil dan dokumen sebagai eviden untuk semakan;
- ii. Permohonan guru adalah secara dalam talian melalui Sistem e-OPERASI; dan
- iii. Guru menyemak keputusan kelulusan permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian melalui Sistem e-OPERASI.

## 6. TATACARA DAN PROSES KERJA PENANDAAN OPSYEN MATA PELAJARAN GURU

- 6.1 Guru boleh memohon secara dalam talian untuk Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru melalui capaian Sistem e-OPERASI.
- 6.2 Semua permohonan untuk proses penandaan perlu melalui **proses pencerapan PdP oleh KJ dengan menggunakan instrumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM)**.
- 6.3 Penetapan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru perlu mengikut kriteria dan kaveat yang telah ditetapkan dengan merujuk kepada kluster mata pelajaran.
- 6.4 Permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dibuka sepanjang tahun. Walau bagaimanapun keputusan kelulusan akan dikemukakan sebanyak empat (4) kali setahun atau mengikut keperluan.
- 6.5 Tatacara permohonan guru untuk penetapan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi kriteria 4.1 para vii dan para viii pada Lampiran 1 adalah seperti berikut:



- i. Guru membuat permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian melalui Sistem e-OPERASI;
- ii. KJ menerima dan menyemak permohonan guru berdasarkan kriteria dan kaveat GP;
- iii. KJ melaksanakan pencerapan PdP guru;
- iv. KJ meluluskan permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru yang memenuhi kriteria dan kaveat GP;
- v. KJ mengemukakan senarai guru yang telah diluluskan kepada Bahagian/JPN/PPD;
- vi. Bahagian/JPN/PPD mengemas kini maklumat Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru; dan
- vii. Guru menerima keputusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian.

6.6 Tatacara permohonan guru untuk penetapan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi kriteria 4.1 para ix dan para x pada Lampiran 2 adalah seperti berikut:

- i. Guru membuat permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian melalui Sistem e-OPERASI;
- ii. KJ menerima dan menyemak permohonan guru berdasarkan kriteria dan kaveat GP;
- iii. KJ melaksanakan pencerapan PdP guru;
- iv. KJ menghantar permohonan yang lengkap kepada BPG secara dalam talian;
- v. BPG memproses permohonan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru empat (4) kali setahun atau mengikut keperluan;
- vi. BPG memaklumkan senarai kelulusan permohonan kepada Bahagian/JPN/PPD;
- vii. Bahagian/JPN/PPD mengemas kini Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru; dan
- viii. Guru menerima keputusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian.

6.7 Tatacara permohonan KJ untuk penetapan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bagi kriteria 4.1 para vii dan para viii pada Lampiran 3 adalah seperti berikut:

- i. KJ menyemak maklumat guru berdasarkan kriteria dan kaveat GP;
- ii. KJ melaksanakan pencerapan PdP guru;
- iii. KJ mengemukakan cadangan senarai guru kepada Bahagian/JPN/PPD;
- iv. Bahagian/JPN/PPD membuat semakan BSKG dan maklumat guru berdasarkan kriteria serta kaveat GP;
- v. Bahagian/JPN/PPD meluluskan permohonan yang memenuhi kriteria dan kaveat GP;
- vi. Bahagian/JPN/PPD mengemas kini Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru; dan
- vii. KJ dan guru menerima keputusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian.

**6.8 Sebelum Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru**

- i. BPG
  - a. Merancang jadual mesyuarat jawatankuasa Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru; dan
  - b. Melaksanakan verifikasi pemetaan kluster mata pelajaran.
- ii. BPSH
  - a. Merancang dan menyelaras verifikasi data guru dengan Bahagian/JPN/PPD; dan
  - b. Melaksanakan penataran bagi GP Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru kepada Bahagian/JPN/PPD.
- iii. Bahagian/JPN/PPD
  - a. Melaksanakan verifikasi data dan semakan BSKG sekolah mengikut jadual yang telah ditetapkan; dan

- b. Membimbing KJ dalam melaksanakan semakan maklumat guru mengikut kriteria dan kaveat GP Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru.
- iv. Ketua Jabatan
  - a. Melaksanakan verifikasi data guru dan BSKG sekolah; dan
  - b. Mengemas kini data guru dalam Modul Pengurusan Guru Sistem e-OPERASI.
- v. Guru
  - a. Membuat semakan data dalam Modul Pengurusan Guru Sistem e-OPERASI; dan
  - b. Mengesahkan maklumat guru dalam Modul Pengurusan Guru Sistem e-OPERASI.

#### **6.9 Semasa Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru**

- i. BPG
  - a. Menerima permohonan daripada KJ secara dalam talian;
  - b. Melaksanakan mesyuarat jawatankuasa Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru; dan
  - c. Menyediakan senarai kelulusan.
- ii. BPSH

Menghadiri mesyuarat jawatankuasa Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru.
- iii. Bahagian/JPN/PPD

Mengemas kini maklumat Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru yang telah diluluskan oleh BPG dan KJ dalam Sistem e-OPERASI.



## 6.10 Selepas Pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru

- i. Bahagian/JPN/PPD
  - a. Membuat semakan silang senarai Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru bersama-sama KJ;
  - b. Melaksanakan verifikasi BSKG bersama-sama KJ; dan
  - c. Membentangkan laporan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru dalam mesyuarat pengurusan (Bahagian dan JPN sahaja).
  
- ii. Ketua Jabatan
  - a. Membuat semakan kelulusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian; dan
  - b. Memaklumkan keputusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru kepada guru.
  
- iii. Guru

Menyemak kelulusan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru secara dalam talian dalam Sistem e-OPERASI.

## 7. PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 7.1 GP ini dipanjangkan kepada semua Bahagian di KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran KPM.
- 7.2 GP ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh surat pekeliling ikhtisas dikeluarkan.

## **8. MAKLUMAT LANJUT**

Sebarang pertanyaan mengenai kandungan GP ini boleh dikemukakan kepada:


Bahagian Profesionalisme Guru  
Aras 3-6, Blok E13,  
Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62604 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Tel.: 03-88841144/03-88841079

## **9. PENUTUP**

GP ini mengandungi tatacara dan proses kerja Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru yang mesti dipatuhi oleh semua pegawai yang berkaitan di Bahagian KPM/JPN/PPD. Pematuhan kepada GP ini adalah bagi memastikan pelaksanaan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru betul, tepat dan berupaya meningkatkan kualiti penyampaian maklumat serta perkhidmatan.

LAMPIRAN 1


Carta Alir Urusan Permohonan Guru Untuk Penetapan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru Bagi Kriteria 4.1 vii dan viii





LAMPIRAN 2

Carta Alir Urusan Permohonan Guru bagi Penetapan Penandaan Opsyen Bagi PPPLD, Pemegang Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran



LAMPIRAN 3

Carta Alir Urusan Permohonan Oleh Ketua Jabatan Untuk Penetapan Penandaan Opsyen Mata Pelajaran Guru Bagi kriteria 4.1 vii dan viii

